



UiTM@Media **2016**

Siswa Cemerlang



UiTM@Media
2016

Haziq terbaik

MOHAMAD Haziq menunjukkan piala dimenangnya dalam Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri 2016, semalam.

■ Juara pidato antarabangsa minat pengucapan awam sejak kecil

Siraj Mohd Zaini
siraj@hmetro.com.my

Shah Alam

“Sejak kecil saya bercita-cita menjadi pemidato dan atas sebab itu, saya sertai sesi pengucapan awam ketika di sekolah.

“Namun selepas menjadi penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM), saya menyertai Kelab Debat dan Pidato dan dari situ bakat diasah sehingga kini,” kata Mohamad Haziq Jamaluddin, 23, yang memenangi tempat pertama Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu

Piala Perdana Menteri 2016.

Anak sulung daripada enam beradik dari Sri Manjung, Perak itu mengetepikan beberapa pencabar lain, sekali gus membawa pulang wang tunai RM20,000 serta piala pusingan dalam pertandingan yang berlangsung bulan lalu.

Dia yang bergiat aktif hampir empat tahun dalam bidang itu pernah mendapat tempat pertama dalam Pidato Piala Naib Canselor UiTM (2013), Pidato Alam Lestari (2014) serta pencapaian terbaiknya di peringkat antarabangsa, baru-baru ini.

Katanya, hasil bimbingan guru serta rakan ketika bersama kelab terbabit akhir-

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

40 tengah

06-04-2016

>> Mohamad Haziq mendapat tempat pertama dalam Pidato Piala Naib Canselor UiTM (2013)



“Disebabkan minat ingin berjaya dalam bidang ini, saya berusaha bersungguh-sungguh”
Mohamad Haziq

nya menjadikan dia pemi-
dato berjaya.

“Tiada kejayaan datang bergolek, disebabkan minat ingin berjaya dalam bidang ini, saya berusaha bersungguh-sungguh.

“Saya ingin meneruskan kecemerlangan UiTM yang sememangnya sudah melahirkan ramai pemi-
dato serta pendebat yang berjaya di peringkat antarabangsa,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Apresiasi pasukan debat Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris UiTM di sini, semalam.

Turut hadir, Naib Canselor, UiTM Prof Emeritus Datuk Dr Hassan Said.

Dr Hassan berkata, pihak-

nya kini dalam usaha menyediakan sebuah bilik khas untuk ahli kelab terbabit yang bertujuan memudahkan mereka berlatih selain turut dilengkapi pelbagai kemudahan lain.

“Perkara ini sudah dibincangkan dan dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga bulan lagi, mereka akan diberikan kebenaran menggunakan bilik itu.

“Ia menyediakan ruang yang lebih kondusif, jadi kita menyediakan sokongan infrastruktur bagi mereka. Ia turut dilengkapi mikrofon serta ruang khas bagi menyimpan segala bahan berkaitan pidato serta debat,” katanya.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

